

Pengalaman Malaysia bantu pemulihan Bosnia

BH : Sabtu 23/6/2007

Perpaduan, kestabilan politik asas penting proses bina negara: PM



PERPADUAN rakyat dan kestabilan politik menjadi asas penting dalam proses pembinaan negara. Itulah mesej disampaikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kepada rakyat Bosnia Herzegovina – negara yang kini dalam proses pemulihan selepas terbabit dalam peperangan etnik lebih sedekad lalu.

Dalam syarahan umum bertajuk 'Pembinaan Negara Dalam Masyarakat Majmuk' di Universiti Sarajevo di sini, semalam, Perdana Menteri menghuraikan secara terperinci pengalaman Malaysia membangunkan negara sejak kemerdekaan 50 tahun lalu, menegaskan tanpa perpaduan negara akan berpecah-belah.

Abdullah juga menegaskan mengenai pentingnya rakyat dan kerajaan berganding bahu membangunkan negara.


"Tidak ada siapa boleh memerintah secara bersendirian. Cara terbaik ialah membabitkan semua pihak tanpa siapa pun diketepikan.

"Semua penduduk dan seluruh lapisan masyarakat termasuk institusi pengajian tinggi, mempunyai peranan dalam proses pembangunan negara," katanya pada majlis dihadiri ahli akademik dan pelajar universiti berkenaan.

Bosnia Herzegovina mempunyai lebih empat juta penduduk, mengamalkan sistem pemerintahan bergilir mewakili tiga etnik terbesar, iaitu Bosnia (48 peratus), Serb (37.1 peratus) dan Croatia (14.3 peratus). Empat puluh peratus penduduknya beragama Islam, Kristian Ortodoks (31 peratus) dan Roman Katholik (15 peratus).

Perdana Menteri berkata, Malaysia mempunyai persamaan dari segi kepelbagaian penduduk dan agama, sedia berkongsi pengalamannya dalam politik dan ekonomi dengan Bosnia Herzegovina.

Beliau berkata, pendekatan yang adil dan saksama tanpa membezakan kaum serta agama menjadi prinsip diamalkan Kerajaan Malaysia dalam membangunkan sebuah negara yang



TERSERGAM: Masjid dibiayai Kerajaan Malaysia berharga RM1.8 juta dirasmikan Abdullah di Nova Breka, Sarajevo, semalam.

maju, stabil dan aman sejak mencapai kemerdekaan pada 1957.

"Kami sentiasa menghargai kepelbagaian kami dan menjadikannya aset menyumbang kepada perpaduan, kreativiti, kekayaan dan penambahan kisah kejayaan Malaysia," katanya pada majlis yang turut dihadiri isterinya, Datin Seri Jeanne Abdullah.

Abdullah berkata, Malaysia mengamalkan sistem perkongsian kuasa dalam mentadbir kerajaan bagi memastikan tiada masyarakat disisihkan.

Beliau berkata, parti dikuasai orang Melayu semuanya Islam, menjadi tunjang kerajaan Barisan Nasional (BN), tetapi Islam menjadi faktor penyatuan dan bukannya perpecahan dalam sistem politik di Malaysia.

Sambil memperkenalkan Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu pada hari itu, Abdullah berkata, konsep Islam Hadhari yang diperkenalkan kerajaan pimpinannya bagi memupuk sikap toleransi terhadap masyarakat agama lain, turut mendapat

sokongan penuh semua parti masyarakat bukan Islam dalam BN.

Perdana Menteri berkata, ajaran Islam sememangnya menjadi asas dan inspirasi dalam sebarang dasar kerajaan, tetapi faedahnya ditujukan untuk dikongsi semua rakyat sama ada Islam atau bukan Islam termasuk dalam pembangunan pendidikan, modal insan serta institusi ekonomi dan sosial.

"Model pembangunan diamalkan Malaysia berdasarkan falsafah pertumbuhan secara saksama atau lebih

spesifik, pertumbuhan dengan pengagihan secara adil," katanya yang diberi tepukan gemuruh pada akhir ucapannya.

Pada majlis itu, Abdullah dianugerahkan Pin Emas sebagai menghargai sumbangannya terhadap pembangunan Bosnia Herzegovina. Anugerah itu disampaikan Rektor universiti berkenaan, Prof Dr Faruk Caklović.

Selepas majlis berkenaan, Perdana Menteri merasmikan Masjid Malaysia di Nova Breka di sini dan menunaikan solat Jumaat di masjid berharga RM1.8 juta itu yang dibina hasil sumbangan rakyat Malaysia.

Abdullah juga turut menyampaikan sumbangan Euro 10,000 (RM46,000) pada majlis yang turut dihadiri Ketua Mufti Bosnia, Mustafa Cerić.

Sebelum mengakhiri lawatannya dan berlepas ke Itali, Perdana Menteri melawat Bosnal City Centre, satu projek pembangunan bersepadu yang dibangunkan bersama syarikat Malaysia dan Bosnia Herzegovina.

FAKTA NOMBOR

Bosnia Herzegovina

4 juta

Penduduk

3

Kumpulan etnik terbesar